

27/04/2003

Macam tebu rebah!

ALLAH SWT amat suka pada orang yang bersyukur. Saya gembira kerajaan terus berusaha walaupun dalam keadaan terdesak (kesan perang Iraq, SARS dan lain-lain) untuk meningkatkan lagi taraf hidup pekebun-pekebun kecil melalui penambahan peruntukan kepada satu bilion ringgit agar sektor pertanian dapat meneruskan semangat mahu kekal dan berkembang, satu industri yang sustainable.

Rancangan pertanian secara integrasi - hasil tunai (cash crops), penternakan dan perikanan (livestock) serta tanaman sampingan - saya kira akan menjadi rangsangan (stimulus) yang akan memperbaiki dan mempertingkatkan industri pertanian dan makanan negara.

Anda mahu tahu kenapa saya gembira? Pertama; sebab skim ini membantu rakyat miskin. Kedua; saya warisan pekebun kecil. Datuk dan bapa saya pekebun kecil: Datuk ada kebun getah, dusun dan sawah padi. Bapa saya juga begitu. Bezanya bapa juga pembeli getah berlesen selain daripada mempunyai penoreh yang lebih satu dozen dan ada rumah asap sendiri. Takrif pekebun kecil zaman penjajah: Mereka yang menjadi tuan punya ladang getah, dusun dan sawah padi kurang seratus ekar.

Kemasukan dalam skim subsidi mereka yang ada kurang daripada 2.5 hektar jelas menunjukkan kerajaan prihatin terhadap mereka dan serius untuk membasmikan kemiskinan di luar bandar.

Durian runtuh masa Perang Korea

Dulu mempunyai 10 ekar pun hidup sudah senang, apa lagilah tuan punya tanah lebih daripada itu. Masa peperangan Korea (1950-53) harga getah melambung tinggi maka ramailah pekebun kecil dapat durian runtuh, rezeki yang melimpah. Waktu itu saya sedang belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan kerana bapa laba banyak saya bercuti di Singapura pada penggal kedua tahun 1952 dan di Kuala Lumpur, Seremban, Port Dickson dan Melaka tahun berikutnya. Orang Parit serta Bota Kiri dan Bota Kanan zaman itu "orang kaya" di Perak. Maka timbullah bidalan `biar papa asal bergaya!'

Dua rakan sekolah saya Termizi dan Wadud - dari Parit, banyak wang saku (pocket money) seperti juga saya dan beberapa orang lagi kerana "rubber boom" (kemakmuran tiba-tiba daripada harga getah yang tinggi). Ramai orang Parit dikatakan beli peti sejuk sebagai almari. Mungkin sebagai ejekan atau gurauan saja. Apa pun, ramai mempercayai itu berlaku.

Yang pasti ialah apabila saya, satu hari Ahad curi pergi ke Parit dengan Termizi dan Wadud, saya dapati walaupun waktu itu tiada elektrik di Parit,

banyak rumah ada radio bahkan radiogram pun menggunakan bateri. Durian Parit sama enak dengan durian Bukit Gantang. Ingatan masa sekolah di MCKK,

berkisar pada Taiping, Ipoh dan curi-curi ke daerah lain masih segar lagi

walaupun saya telah meninggalkan MCKK 49 tahun lalu. Kata orang tua, masakan kita lupa tempat kita bermain, menimba ilmu dan jatuh. Semenjak tahun 1954, saya telah kembali ke almamater saya hampir sedozen kali.

Kerajaan dari satu masa ke satu masa mesti menolong pekebun kecil tetapi

selama mana mereka boleh terus bergantung kepada kerajaan? Pertanian satu

industri yang boleh menjadikan kita senang lenang. Tanah mesti dikerjakan,

ia tempat mencari kehidupan.

Negara kita subur, kaya raya. Terpulanglah kepada kita mengejar dan menikmatinya. Lapan belas peratus penduduk kita adalah dalam industri pertanian dan perladangan. Tertinggi, (50 peratus), ialah dalam industri perkhidmatan (services dan hospitaliti), bakinya perkilangan 32 peratus.

SARS: Sindrom sesak nafas mendadak

Sementara kerajaan berusaha mengawal SARS, rakyat mestilah memberi kerjasama dan mentaati prosedur, nasihat dan arahan Kementerian Kesihatan.

SARS memang bahaya tetapi boleh dikawal, maka saya menyeru agar jangan ambil ringan, elak daripada dijangkiti tanpa kita sedari.

Di China, Hong Kong, di mana SARS bermula, wabaknya sudah merebak ke seluruh dunia. Apabila epidemik menjadi pandemik, seluruh alam tidak selamat. Tetapi kalau semua berusaha, SARS boleh dibendung. Kalau perlu, orang disyaki atau dikesan mesti dikuarantinkan.

Dalam memerangi SARS, semua pihak mesti telus kerana SARS boleh menjelma

sebagai wabak yang lebih buruk lagi daripada krisis kewangan di Asia Pasifik lima tahun dulu. Kalau ia merebak, SARS akan menyuramkan ekonomi dunia seperti ia telah menggugat ekonomi Asia, apatah lagi dengan impak Perang Iraq. Ekonomi kita pun tidak terkecuali. Saya diberi tahu di Singapura, bilik-bilik hotel terkemuka hanya dipenuhi antara lapan dan 10

peratus saja. Jelas pelancongan kita telah pun turun dan yang lain akan menyusul kecuali kita dapat mempertahankan negara kita dari disifatkan negara yang affected - negara sumber SARS seperti China, Hong Kong dan sudah pun memberi kesan ke atas Singapura.

Dalam politik satu minggu pun lama...

Di Amerika Syarikat, tiap empat tahun seawalnya dan lapan tahun selewatnya berlaku pertukaran di kemuncak kuasa politik yakni di White House (Rumah Putih). Perlembagaan AS kini (dipinda selepas Perang Dunia Kedua) mengehadkan penggal presiden AS kepada dua penggal - lapan tahun saja. Ayah Presiden George W Bush jadi presiden satu penggal. Nampaknya, kerana Bush kini amat popular akibat kemenangan perang Iraq begitu senang

dan pantas (tanpa hilang nyawa askar Amerika yang ramai) serta patriotisme

Amerika di kemuncak, dia dijangka dipilih semula tahun depan. Apa pun, dalam politik satu minggu adalah satu masa yang panjang. Bapa George, iaitu Bush senior, kalah kepada Bill Clinton walaupun dia menang Perang

Teluk, ekornya walaupun dipisah masa lebih satu dekad sebab terjadinya pencerobohan di Iraq.

Apabila wajah pemimpin bertukar, kuasa dan pengaruh ikut berubah. Saya mengalaminya secara peribadi. Setelah Tun Razak kembali ke rahmatullah, saya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama lima tahun dan dibebaskan tanpa syarat apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jadi Perdana Menteri. Dalam politik di mana-mana pun ini lumrah. Sekali air bah sekali pasir berubah.

Di Iraq, mereka kalah perang, Saddam sedang dicari (tiada siapa tahu sama ada dia masih hidup) tetapi satu demi satu bekas rakan seperjuangannya ditahan dan menyerah diri, terakhir ialah Tareq Aziz, 67,

bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar. Tareq adalah seorang Kristian. Di dunia Arab, seperti juga Indonesia mereka yang mempunyai nama seperti kita tidak semestinya Islam.

Nama yang dikatakan nama Islam oleh kita sebenarnya adalah nama Arab. Orang Jawa, Iran, China dan Turki lazimnya mengekalkan nama berasaskan budaya mereka.

Di Malaysia, kita melihat perubahan kuasa dari parti ke parti. Di Kelantan dari Umno kepada Pas, kembali kepada BN dan ke Pas pula; di Terengganu Umno ke Pas dan kembali kepada Umno hingga kalah tahun 1999; di

Pulau Pinang dari MCA-Umno kepada Gerakan (mula-mulanya) lepas itu ke BN.

Di Sabah dari Usno kepada Berjaya. Selepas itu ke PBS (Parti Bersatu Sabah) kini kepada BN. Peralihan pucuk pimpinan aman, damai; demokrasi di

tahap terbaik.

Kalah perang lain pula ceritanya, apa lagi kalah paling teruk. Pencerobohan telah menyelesaikan pertengkaran politik Bush-Saddam, ajal pemerintahan Saddam yang lama itu putus juga.

Dalam politik seperti juga dalam bisnes, hatta kehidupan harian pun tiada risiko, tiada untung. Terbaik ambillah risiko yang terhitung (calculated risks). Berjaya bersyukur, kalau kalah cuba sekali lagi sehingga sukses. Sama ada mati putih tulang atau putih mata.